**20**

# Pk. P.U. 3 (29 April 1993)

# Undang-Undang Kecil Perlesenan Anjing (MDM) 1993 (AKTA 171)

# 26

# Undang-Undang Kecil Pelesenan Anjing (MDM)1993 (AKTA 171)

MAJLIS DAERAH MANJUNG
DITERIMA
MAY 1993
SRI MANJUNG

NEGERI PERAK

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PERAK GAZETTE

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

Jil. 46
Bil. 9 — 29hb April 1993 — *TAMBAHAN No. 3 PERUNDANGAN*

Pk. P.U. 3.

## AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

(Akta 171)

### UNDANG-UNDANG KECIL PELESENAN ANJING (MAJLIS DAERAH MANJUNG) 1993

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 73 Akta Kerajaan Tempatan 1976, Majlis Daerah Manjung membuat, dan menurut seksyen 103 Akta tersebut, Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan undang-undang kecil yang berikut: *Akta 171.*

1. (1) Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Pelesenan Anjing (Majlis Daerah Manjung) 1993** dan hendaklah dipakai hanya bagi kawasan Majlis Daerah Manjung. *Nama dan pemakaian.*

2. Dalam undang-undang kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain— *Tafsiran.*

"doktor veterinar" ertinya doktor veterinar sebagaimana yang ditakrifkan dalam seksyen 2 Akta Doktor Veterinar 1974; *Akta 147.*

"lencana logam" ertinya lencana logam seperti yang tersebut dalam Undang-Undang Kecil 4 (2) (b);

"pemunya" berhubungan dengan anjing ertinya seseorang yang memiliki, menjaga atau mengawal anjing, tetapi dalam hal dimana terdapat keraguan tentang keempunyaan anjing, pemunya atau penduduk premis yang sering didatangi oleh anjing itu, atau seseorang yang lazimnya memberi makan anjing hendaklah disifatkan sebagai pemunyanya sehingga dibuktikan sebaliknya oleh pemunya, penduduk atau orang itu;

7. Pemunya anjing berlesen hendaklah mengadakan kolar anjing yang sesuai untuk dipakai oleh anjing itu, yang padanya lencana logam semasa hendaklah dipasang dengan kukuh mengikut apa-apa cara supaya boleh dilihat apabila dipakai oleh anjing itu. Pemakaian kolar anjing dan lencana logam.

8. Pemunya anjing hendaklah— Tanggungjawab pemunya.

(a) jika anjing itu berpenyakit, mengambil langkah-langkah dengan seberapa segera yang mungkin untuk membolehkan anjing itu diperiksa dan dirawat oleh doktor veterinar dan tidak membiarkan anjing itu disimpan di premisnya melainkan jika anjing itu telah diperiksa dan di bawah rawatan doktor veterinar;

(b) menyenggara rumah anjing dimana anjing itu ditempatkan dalam keadaan yang cuci dan bersih;

(c) membuang daripada premisnya apa-apa bahan najis yang dilepaskan oleh anjing itu, dan berbuat demikian mengikut atau dengan apa-apa cara yang tidak mungkin menyebabkan kegusaran atau kesusahan kepada orang lain;

(d) mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk mempastikan bahawa anjing itu tidak menjadi gangguan kepada jiran-jirannya, disebabkan oleh salakan yang tidak berhenti-henti atau selainnya; dan

(e) mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk mempastikan bahawa anjing itu tidak merayau di luar kawasan premis pemunyanya dan bahawa anjing itu berikat tali apabila dibawa keluar daripada premis pemunyanya.

9. (1) Mana-mana anjing yang berumur lebih daripada tiga bulan yang dijumpai lepas bebas atau dijumpai di tempat awam dengan tidak memakai lencana logam semasanya dan mana-mana anjing yang berpenyakit yang tidak di bawah rawatan doktor veterinar boleh dibinasakan oleh mana-mana orang diberikuasa oleh yang Dipertua bagi maksud itu, dan mana-mana orang diberikuasa sedemikian boleh pada bila-bila masa memasuki mana-mana tanah atau premis, selain daripada rumah tempat tinggal, bagi maksud mencari, mendapatkan, merampas, atau membinasakan anjing itu. Pembinasaan.

(2) Mana-mana anjing, sama ada berlesen atau tidak, yang pemunyanya tidak ditemui, boleh dibinasakan atau selainnya dilupuskan dengan apa-apa cara sebagaimana yang diarahkan oleh Yang Dipertua atau mana-mana orang yang diberikuasa oleh Yang Dipertua bagi maksud itu.

10. (1) Pemunya harta yang mempunyai kawasan 10,000 kaki persegi atau kurang tidak boleh menyimpan atau membenarkan disimpan lebih daripada dua ekor anjing di atas hartanya, dan jika kawasan itu adalah lebih daripada 10,000 kaki persegi, hadnya ialah empat ekor anjing, melainkan jika diluluskan selainnya oleh Yang Dipertua dalam sesuatu keadaan yang tertentu. Bilangan anjing yang dibenarkan.

2. In these by-laws unless the context otherwise requires— Interpretation.

"metal badge" means a metal badge as mentioned in By-Law 4 (2) (b);

"owner" in relation to a dog means a person having possession, custody or control of a dog, but in any any case of doubt concerning the ownership of a dog, the owner or occupier of the premises frequented by the dog or a person who habitually feeds a dog shall be deemed to be its owner until the contrary is proved by such owner, occupier or person;

"President" means the President of the Manjung District Council and includes the Secretary;

"veterinary surgeon" means a veterinary surgeon as defined in section 2 of the Veterinary Surgeons Act 1974. *Act 147.*

3. (1) No person shall own, keep, harbour or maintain a dog that has reached the age of three months unless it is licensed under these by-law. Licensing requirement.

(2) A licence shall expire on the 31st day of December of the year in which it is issued.

4. (1) An application for a licence shall be made in such form as may be provided by the President and shall be accompanied by a licence fee of ten ringgit. Licensing procedure.

(2) Upon receipt of an application and the licence fee, the licensing officer shall—

(*a*) register the dog concerned by causing an entry to be made in a register kept for the purpose of the description of the dog and the name and address of its owner;

(*b*) issue to the owner of the dog a licence in the form of a suitable metal badge bearing a serial number corresponding with the registration number of the dog; and

(*c*) issue to the owner of the dog a receipt for the fee paid, containing a description of the dog and bearing the signature of the licensing officer.

5. Where there has been a change of ownership of a licensed dog, the new owner shall, within one month thereof, notify a licensing officer of the change; and the licensing officer shall register free of charge the name and address of the new owner. Change of ownership of licensed dog.

6. (1) If a metal badge issued under these by-laws has been lost, the owner may apply to the President for a new metal badge and the President upon being statisfied as to such loss, shall issue a new metal badge on payment of a fee of five ringgit and the new metal badge so issued shall have the same effect as the original. Loss of metal badge.

11. (1) No person shall use any building, premises or holding to keep or breed dogs for commercial purposes, or as kennel or veterinary clinic, unless licensed by the President for that purpose. Licensing of place where dogs are kept for commercial purposes.

(2) An application for a licence under this by-laws shall be made in such form as may be provided by the President and shall be accompanied by a licence fee of one hundred and fifty ringgit.

12. Any person who contravenes any provision of these by-laws commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding five hundred ringgit or to imprisonment for a term not exceeding six months or to both. Penalty.

Made the 22nd day of September 1992.
[M.D.M. U/1/1/29 ; P.U. Pk. 59/72 BHG. III.]

ABDUL SAMAT BIN HAJI SABRI,
*President,*
*Manjung District Council*

Confirmed this 24th day of February, 1993.
[PSUK. Pk. (KT-AM) 30/14/10/5.]

HJ. SHARAIDIN BIN TAKIN,
*Secretary,*
*State Executive Council,*
*Perak.*

Pk. P.U. 4.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976
(Akta 171)

UNDANG-UNDANG KECIL IKLAN (MAJLIS DAERAH TAPAH) (PINDAAN) 1993

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 102 Akta Kerajaan Tempatan 1976, Majlis Daerah Tapah membuat, dan menurut seksyen 103 Akta tersebut, Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan, undang-undang kecil yang berikut: *Akta 171.*

1. Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan Undang-Undang Kecil Iklan (Majlis Daerah Tapah) (Pindaan) 1993. Nama.

2. Perenggan 2 Undang-Undang Kecil 4, Undang-Undang Kecil Iklan (Majlis Daerah Tapah) 1993 adalah dengan ini dipinda— Pindaan Undang-Undang Kecil 4, *Pk. P.U. 4/92.*

(i) dengan memasukkan selepas sahaja perkataan-perkataan "yang lain itu" yang terdapat di dalam teks Bahasa Malaysia dengan perkataan "dan"; dan